



INTERNATIONAL JOURNAL OF
MODERN EDUCATION
(IJMOE)
www.ijmoe.com



**PENGLIBATAN KOMUNITI BISAYA DALAM PEMBANGUNAN
GLOSARI DIGITAL: E-GAYAD MABALUT GLOSARI**

*THE INVOLVEMENT OF THE BISAYA COMMUNITY IN THE DEVELOPMENT
OF A DIGITAL GLOSSARY: THE E-GAYAD MABALUT GLOSSARY*

Norcikeyonn Samuni^{1*}, Siti Aidah Lukin@Lokin², Musnin Misdih³, Nor-Ina Kanyo⁴

¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan, Malaysia
Email: norcikeyonnsamuni89@ums.edu.my

² Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: sitiaida@ums.edu.my

³ Akademi Seni dan Teknologi Kreatif, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: musninmisdih67@ums.edu.my

⁴ Institut Kajian Orang Asal Borneo, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: norina@ums.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 08.08.2025

Revised date: 29.08.2025

Accepted date: 22.09.2025

Published date: 15.10.2025

To cite this document:

Samuni, N., Lokim S. A. L., Misdih, M., & Kanyo, N. (2025). Penglibatan Komuniti Bisaya Dalam Pembangunan Glosari Digital: E-Gayad Mabalut Glosari. *International Journal of Modern Education*, 7 (27), 613-624.

DOI: 10.35631/IJMOE.727038

Abstrak:

Penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan komuniti minoriti, khususnya generasi muda, menunjukkan trend penurunan yang membimbangkan. Antara yang turut terkesan ialah komuniti Bisaya di Beaufort, Sabah, di mana penggunaan bahasa Bisaya semakin merosot akibat pengaruh bahasa dominan yang lebih meluas dan berpengaruh dalam kehidupan seharian. Bagi menangani isu ini, kajian ini menumpukan kepada penglibatan aktif komuniti Bisaya dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* iaitu sebuah glosari digital yang dibangunkan secara partisipatif bagi tujuan pemeliharaan dan pendokumentasian bahasa serta warisan budaya komuniti, khususnya dalam kalangan generasi muda. Kajian ini turut mengenal pasti isu-isu utama seperti ketiadaan bahan rujukan glosari digital yang sistematik serta tahap penglibatan komuniti yang masih terhad dalam inisiatif pendokumentasian bahasa. Objektif kajian adalah untuk memahami bentuk dan tahap penglibatan komuniti, mengenal pasti cabaran sepanjang pelaksanaan projek, serta menilai implikasi pembangunan glosari digital tersebut. Pendekatan kualitatif berasaskan kajian kes digunakan, dengan data dikumpul melalui temu bual separa berstruktur dan bengkel pengumpulan istilah bersama komuniti. Seramai tujuh orang informan telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan, melibatkan penutur asli, guru, dan pemimpin tempatan yang aktif dalam usaha pemeliharaan bahasa dan



budaya Bisaya. Data dianalisis secara tematik bagi mengenal pasti bentuk penglibatan serta kesannya terhadap pembangunan glosari digital. Dapatan kajian menunjukkan terdapat tiga bentuk utama penglibatan komuniti, iaitu sumbangan istilah, pengesahan kandungan, dan penyebaran glosari digital. Secara keseluruhan, komuniti memberikan maklum balas yang positif terhadap pendekatan ini, meskipun berhadapan dengan cabaran seperti kekangan masa dan kemahiran digital yang terhad. Kajian ini membuktikan bahawa pendekatan partisipatif bukan sahaja dapat memperkukuh proses dokumentasi bahasa minoriti, malah berpotensi menjadi model rujukan bagi komuniti lain di Malaysia dalam usaha memelihara warisan bahasa dan budaya tempatan melalui pembangunan glosari digital.

Kata Kunci:

Glosari Digital, Penglibatan Komuniti, Bahasa Bisaya, Pemeliharaan Bahasa dan Budaya, Pendokumentasian Bahasa

Abstract:

The use of mother tongue among minority communities, particularly the younger generation, is showing a worrying downward trend. One such affected group is the Bisaya community in Beaufort, Sabah, where the use of the Bisaya language is increasingly declining due to the influence of more dominant and widely used languages in daily life. To address this issue, this study focuses on the active involvement of the Bisaya community in the development of the E-Gayad Mabalut Glossary, a participatory digital glossary aimed at preserving and documenting the community's language and cultural heritage, especially among the younger generation. This study also identifies key issues such as the lack of systematic digital glossary references and the limited level of community involvement in language documentation initiatives. The objectives of the study are to understand the forms and extent of community involvement, identify the challenges encountered during project implementation, and assess the implications of developing the digital glossary. A qualitative case study approach was employed, with data collected through semi-structured interviews and term collection workshops involving the community. A total of seven informants were selected through purposive sampling, including native speakers, teachers, and local leaders actively involved in efforts to preserve the Bisaya language and culture. Data were analyzed thematically to identify forms of participation and their impact on the development of the digital glossary. Findings of the study revealed three main forms of community involvement: contribution of terms, content validation, and dissemination of the digital glossary. Overall, the community responded positively to this approach, despite facing challenges such as time constraints and limited digital skills. This study demonstrates that a participatory approach not only strengthens the process of documenting minority languages, but also has the potential to serve as a reference model for other communities in Malaysia in their efforts to preserve local language and cultural heritage through the development of digital glossaries.

Keywords:

Digital Glossary, Community Involvement, Bisaya Language, Language and Cultural Preservation, Language Documentation

Pengenalan

Bahasa ibunda memainkan peranan penting dalam membentuk identiti, warisan budaya, dan jati diri sesebuah komuniti. Namun begitu, penggunaan bahasa ibunda dalam kalangan komuniti minoriti di Malaysia semakin menunjukkan trend kemerosotan, malah sering kali tidak diberikan keutamaan dalam kehidupan seharian. Kajian oleh Haji Othman dan McLellan (2021) menyokong dapatan ini apabila mereka mendapati bahawa banyak bahasa etnik di Borneo kini berada dalam keadaan terancam, terutamanya disebabkan oleh proses peralihan bahasa. Fenomena ini dilihat ketara dalam kalangan generasi muda yang lebih cenderung menggunakan bahasa dominan seperti Bahasa Melayu dan Inggeris untuk berkomunikasi. Dapatan ini turut disokong oleh kajian Alagappan et al. (2018) yang menunjukkan bahawa golongan muda berusia antara 12 hingga 21 tahun lebih kerap menggunakan kedua-dua bahasa dominan tersebut, khususnya dalam konteks kekeluargaan dan pergaulan sesama rakan. Sebaliknya, generasi lebih tua masih mengekalkan penggunaan bahasa warisan seperti bahasa Tamil, memperlihatkan jurang yang semakin melebar dalam kesinambungan penggunaan bahasa ibunda antara generasi.

Kajian oleh Noraisikin et al. (2020) mendapati bahawa penggunaan bahasa Cham dalam kalangan generasi muda di Ulu Tiram, Johor semakin berkurangan akibat faktor seperti urbanisasi, pendidikan formal, pengaruh media, dan keperluan sosial yang mengutamakan Bahasa Melayu dan Inggeris. Situasi serupa turut dihadapi oleh komuniti Bisaya di Beaufort, Sabah, apabila kajian oleh Dani & Seruji (2024) menunjukkan bahawa bahasa Bisaya berada dalam keadaan terancam berikutan gangguan dalam transmisi antara generasi dan penurunan penggunaan dalam pelbagai domain komunikasi. Walaupun terdapat bahan bertulis, penggunaannya masih terhad dan tiada sokongan pendidikan formal. Namun begitu, komuniti tetap menunjukkan sikap yang positif terhadap usaha pemeliharaan bahasa mereka.

Sehubungan itu, pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* secara partisipatif dilihat sebagai satu langkah strategik dalam usaha pendokumentasian dan pemuliharaan bahasa Bisaya. Inisiatif glosari digital ini bukan sahaja mengisi kekosongan sumber rujukan dalam talian yang sistematik, malah berperanan menggalakkan penglibatan komuniti secara aktif dalam mendokumentasikan istilah-istilah tempatan yang mencerminkan nilai, identiti, dan budaya warisan mereka. Konsep '*Gayad Mabalut*' yang menjadi teras glosari ini turut mengekalkan dimensi etika dan budaya komuniti Bisaya, menjadikan pembangunan glosari digital ini berpotensi sebagai model rujukan bagi pemuliharaan bahasa dan budaya etnik lain di Malaysia.

Bahasa-bahasa etnik di Malaysia kini berhadapan dengan ancaman penyusutan penggunaan, terutamanya dalam kalangan generasi muda yang lebih terdedah kepada pengaruh bahasa dominan seperti Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Penggunaan meluas Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam pendidikan, media, dan urusan rasmi, serta kedudukan Bahasa Inggeris yang tinggi dari segi nilai ekonomi dan sosial (Gill, 2005), merupakan antara faktor utama yang mendorong peralihan bahasa. Di Sabah, meskipun terkenal dengan kepelbagaian linguistik, tekanan untuk menguasai bahasa dominan ini telah menyebabkan bahasa etnik seperti Bahasa Bisaya semakin terpinggir dan kurang digunakan dalam kehidupan harian. Dalam konteks ini, pembangunan glosari digital berperanan penting sebagai satu usaha strategik untuk mendokumentasikan dan menghidupkan semula bahasa-bahasa etnik yang kian terancam, termasuk Bahasa Bisaya.

Sorotan Literatur

Sorotan literatur ini bertujuan menelusuri dapatan kajian terdahulu berkaitan penyusutan penggunaan bahasa etnik dalam kalangan komuniti minoriti, dengan memberi penekanan kepada Bahasa Bisaya di Beaufort, Sabah. Kajian oleh Suhailin et al. (2020) menunjukkan bahawa penggunaan Bahasa Bisaya masih wujud dalam kalangan warga emas, khususnya dalam konteks ritual dan upacara tradisional. Namun begitu, dalam kalangan generasi muda, corak penggunaan bahasa ini semakin merosot dan memerlukan pendekatan baharu yang lebih efektif. Seperti yang ditegaskan oleh Fishman (1991), kesinambungan bahasa warisan sangat bergantung kepada keberkesanan pewarisan antara generasi, terutama dalam lingkungan keluarga dan komuniti setempat. Oleh itu, pengukuhan fungsi bahasa dalam kehidupan harian komuniti amat penting bukan sahaja sebagai alat komunikasi, tetapi juga sebagai lambang identiti budaya.

Dalam hal ini, penglibatan komuniti dalam usaha pendokumentasian Bahasa Bisaya dilihat masih terhad. Kajian oleh Norazuna (2021) terhadap dokumentasi bahasa Miriek menunjukkan bahawa kekurangan sumber manusia, ketiadaan bahan rujukan sistematik, serta tahap penglibatan yang rendah dalam kalangan penutur muda menjadi cabaran utama. Hal ini disokong oleh pandangan Grenoble dan Whaley (2006) yang menekankan bahawa kejayaan sesuatu inisiatif pemeliharaan bahasa sangat bergantung kepada penglibatan aktif komuniti penutur. Malangnya, banyak usaha terdahulu cenderung meletakkan komuniti sebagai objek kajian dan bukan sebagai rakan kolaboratif, yang seterusnya menghadkan impak jangka panjang inisiatif tersebut.

Sementara itu, kekangan sumber dan inisiatif pembelajaran Bahasa Bisaya turut menjadi faktor penyumbang kepada peralihan bahasa. Kekurangan bahan bantu belajar seperti kamus, buku teks, dan modul latihan menjadi penghalang utama kepada pembelajaran bahasa ini, khususnya dalam kalangan generasi muda. Walaupun terdapat usaha seperti perancangan penerbitan *Kamus Saku Bisaya–Melayu* oleh DBP (Cawangan Sabah) dan PBBS, serta penerbitan awal seperti *Daftar Kata Bahasa Malaysia – Dialek Bisaya* (1992), penggunaan bahan-bahan ini masih terbatas dari segi capaian dan kesesuaian dalam konteks pendidikan semasa. Justeru, terdapat keperluan mendesak untuk menghasilkan bahan rujukan bahasa yang lebih moden dan mudah diakses.

Selain itu, dokumentasi digital Bahasa Bisaya masih berada pada tahap yang rendah meskipun medium digital kini menjadi saluran utama pembelajaran dan komunikasi dalam kalangan generasi muda. Menurut Moseley (2010), dokumentasi digital merupakan antara strategi paling efektif dalam menyelamatkan bahasa yang berisiko pupus, manakala Eisenlohr (2004) turut menegaskan bahawa teknologi boleh menjadi alat penting dalam revitalisasi bahasa minoriti. Media digital bukan sahaja menyokong proses dokumentasi dan pengajaran, malah dapat mewujudkan komuniti maya yang merentas sempadan geografi. Namun begitu, ketidaksamarataan akses kepada teknologi serta ketiadaan sistem dokumentasi yang formal dan tersusun terus membataskan keberkesanan usaha ini.

Akhir sekali, pengaruh dinamika keluarga turut memainkan peranan penting dalam mempercepatkan proses peralihan bahasa. Dapatan kajian Berawati et al. (2020) dan Noor Aina & Syeril (2016) menunjukkan bahawa banyak keluarga etnik minoriti seperti Bajau Sama dan peribumi Sabah cenderung menggunakan Bahasa Melayu dalam komunikasi harian, terutamanya bagi memudahkan penyesuaian anak-anak dalam sistem pendidikan dan sosial.

Peralihan ini berlaku secara tidak langsung, namun memberikan kesan besar terhadap kemerosotan penggunaan bahasa ibunda, khususnya dalam domain tidak formal seperti kekeluargaan dan kejiwaan.

Secara keseluruhannya, sorotan ini menegaskan bahawa kemerosotan penggunaan Bahasa Bisaya bukan sahaja berpunca daripada pengaruh bahasa dominan, tetapi juga disebabkan oleh kekangan sumber, dokumentasi yang tidak sistematik, serta kurangnya penglibatan komuniti secara aktif. Maka, penulisan makalah ini amat signifikan kerana ia mengemukakan pendekatan baharu melalui pembangunan glosari digital secara partisipatif iaitu *E-Gayad Mabalut Glosari* sebagai alternatif yang responsif terhadap cabaran-cabaran tersebut. Usaha ini bukan sahaja berpotensi mengisi kekosongan bahan rujukan digital Bahasa Bisaya, malah turut merangsang penyertaan komuniti dalam usaha dokumentasi yang lebih inklusif, lestari dan berpaksikan kepada jati diri budaya tempatan.

Inisiatif *E-Gayad Mabalut Glosari*

E-Gayad Mabalut Glosari merupakan inisiatif pendokumentasian bahasa Bisaya yang berasaskan konsep *Gayad Mabalut*, iaitu nilai tradisi komuniti Bisaya yang menekankan adab, tatasusila, dan budi pekerti dalam hubungan sosial. Pemilihan konsep ini bukan sahaja menampilkan bahasa sebagai alat komunikasi, malah memperkukuh peranannya sebagai wahana pemupukan nilai budaya dan identiti etnik. Istilah yang dimuatkan dalam glosari tidak bersifat literal semata-mata, sebaliknya sarat dengan makna budaya yang mencerminkan struktur sosial serta falsafah hidup komuniti.

Seiring dengan perkembangan teknologi, glosari ini disediakan dalam format digital yang mesra pengguna dan boleh diakses melalui pelbagai peranti seperti telefon pintar, tablet, dan komputer. Tambahan pula, ia dilengkapi dengan ciri interaktif seperti rakaman audio, penjelasan bergambar, dan ruang maklum balas komuniti, sekali gus menyokong proses pembelajaran yang lebih holistik dan kontekstual. Menurut Bird (2020), usaha pendigitalan sumber linguistik merupakan pendekatan global yang semakin relevan dalam melestarikan bahasa minoriti.

Selaras dengan pendekatan partisipatif, pembangunan glosari ini melibatkan kerjasama erat antara generasi tua dan muda, di mana golongan tua menyumbang pengetahuan bahasa dan budaya, manakala golongan muda mengendalikan aspek teknologi seperti rakaman, penyuntingan, dan penterjemahan. Pendekatan ini terbukti berkesan seperti yang ditunjukkan oleh Renganathan dan Kral (2018) dalam projek dokumentasi bahasa Orang Asli Semai di Perak, yang menghasilkan filem pendek dan buku digital sebagai medium pemerkasaan bahasa dan identiti komuniti. Secara keseluruhannya, *E-Gayad Mabalut Glosari* bukan sahaja menyediakan sumber pembelajaran yang sahih dan mudah diakses, malah berperanan sebagai strategi pemuliharaan bahasa yang berteraskan nilai budaya dan penglibatan komuniti secara aktif serta berterusan.

Objektif Kajian

- i. Meneroka bentuk dan tahap penglibatan komuniti Bisaya dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*;
- ii. Mengenal pasti cabaran dan potensi pelaksanaan pendekatan dokumentasi bahasa secara partisipatif;

- iii. Menilai implikasi pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* terhadap usaha pemeliharaan dan penguatan bahasa Bisaya.

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian kes, yang dianggap sesuai untuk meneroka secara mendalam bentuk penglibatan komuniti Bisaya di Beaufort, Sabah dalam konteks yang spesifik. Pendekatan kajian kes membolehkan penyelidik memahami situasi yang unik dan kompleks, terutamanya berkaitan aspek pendidikan, budaya, dan masyarakat (Merriam, 2009). Melalui pendekatan ini, pelbagai dimensi pengalaman komuniti dapat difahami, termasuk nilai, persepsi, serta bentuk interaksi sepanjang pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*. Dalam proses ini, penyelidik bukan sekadar pemerhati pasif, tetapi berperanan sebagai fasilitator yang menggalakkan penglibatan komuniti secara aktif sepanjang penyelidikan.

Kaedah Pengumpulan Data: Temu Bual dan Bengkel Istilah

Dua kaedah utama digunakan untuk mengumpul data, iaitu temu bual separa berstruktur dan bengkel istilah. Temu bual separa berstruktur membolehkan penyelidik menggali pandangan informan secara terbuka namun masih berpandukan tema-tema utama, khususnya berkaitan terjemahan dan pemahaman istilah yang memuatkan nilai budaya Bisaya. Kaedah ini, menurut Kvale & Brinkmann (2014), membolehkan dialog yang fleksibel dan mendalam antara penyelidik dan informan, sekaligus menghasilkan maklumat kontekstual yang lebih bernilai. Sementara itu, bengkel istilah dilaksanakan sebagai platform kolaboratif untuk mengenal pasti, menyusun, dan mendefinisikan istilah-istilah Bisaya yang berkaitan dengan konsep *Gayad Mabalut*. Bengkel ini juga berfungsi sebagai ruang interaksi dua hala, memperkukuh penglibatan komuniti dan memupuk pemindahan pengetahuan secara timbal balik.

Kriteria dan Strategi Pemilihan Informan

Kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan bagi memastikan informan yang dipilih mampu memberikan maklumat yang relevan dan mendalam. Seramai tujuh informan telah dikenal pasti, terdiri daripada penutur asli yang aktif, guru bahasa yang terlibat dalam pendidikan komuniti, serta pemimpin tempatan yang berperanan dalam pelestarian budaya. Pemilihan informan berdasarkan kriteria penguasaan bahasa Bisaya, pengalaman dalam aktiviti kebudayaan, dan kesediaan untuk menyumbang secara aktif dalam pembangunan glosari. Seperti yang ditekankan oleh Patton (2014), pemilihan informan dalam kajian kualitatif harus memberi penekanan kepada keupayaan mereka menyediakan data yang kaya, kontekstual, dan bermakna berkaitan isu kajian.

Pendekatan Analisis Tematik

Data yang dikumpul dianalisis secara tematik dengan mengenal pasti corak dan tema utama daripada hasil temu bual dan bengkel. Proses analisis melibatkan beberapa peringkat termasuk transkripsi, pengekodan awal, pengelompokan tema, dan penafsiran data secara induktif (Braun & Clarke, 2006). Nowell et al. (2017) menyatakan bahawa analisis tematik menawarkan pendekatan yang sistematik dan fleksibel untuk menyusun data ke dalam tema bermakna selaras dengan objektif penyelidikan. Melalui kaedah ini, bentuk penglibatan komuniti dapat dikenalpasti dengan terperinci, serta difahami hubungan antara nilai budaya, motivasi komuniti, dan hasil dokumentasi. Di samping itu, analisis tematik membolehkan penyelidik menyampaikan suara komuniti secara naratif, kontekstual, dan berdasarkan pengalaman sebenar, sejajar dengan prinsip penyelidikan berasaskan komuniti.

Hasil Dapatan Kajian

Kajian ini mendapati bahawa penglibatan komuniti memainkan peranan penting dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*, khususnya dalam proses pengumpulan, pengesahan, dan pemurnian istilah Bahasa Bisaya. Penutur asli, warga emas, serta pendidik tempatan menunjukkan kesediaan untuk menyumbang pengetahuan bahasa. Namun begitu, tahap penglibatan komuniti masih belum menyeluruh kerana ia banyak bergantung kepada inisiatif individu aktif yang secara sukarela mengambil bahagian dalam komuniti.

Penglibatan komuniti Bisaya dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* dapat dikenalpasti melalui tiga bentuk utama, iaitu sumbangan istilah, pengesahan kandungan, dan penyebaran glosari. Ketiga-tiga bentuk ini mencerminkan penglibatan aktif komuniti dari peringkat awal pengumpulan data sehingga ke peringkat penyebaran hasil akhir. Pendekatan ini selaras dengan prinsip *Community-Based Participatory Research (CBPR)* yang menekankan kerjasama saling menghormati antara penyelidik dan komuniti, di mana komuniti bukan sekadar objek kajian, tetapi berperanan sebagai rakan penyelidikan (Israel et al., 2012).

Sumbangan istilah merupakan bentuk penglibatan asas dan sangat penting dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*. Penutur asli, warga emas, dan pendidik tempatan telah berkongsi pelbagai istilah yang berkaitan dengan nilai etika, moral, dan sosial dalam Bahasa Bisaya. Istilah-istilah ini dikumpulkan secara kolaboratif melalui bengkel bahasa dan sesi temu bual. Proses ini memperkayakan kandungan glosari serta memelihara makna budaya yang tersirat di sebalik setiap istilah. Sumbangan komuniti ini memastikan glosari mencerminkan penggunaan sebenar bahasa dalam konteks harian dan budaya setempat. Seperti yang dinyatakan oleh Czaykowska-Higgins (2009), penglibatan komuniti dalam penentuan kandungan linguistik menjamin ketulenan serta kepentingan makna istilah dalam konteks budaya mereka. Contoh istilah yang telah dikumpulkan adalah seperti berikut;

Aspek Moral	Aspek Etika	Aspek Sosial
<i>Mabalut</i> - Baik	<i>Maulud</i> – Sopan	<i>Maparas/ Matojo</i> - Cantik
<i>Masaga</i> - Rajin	<i>Misapul</i> – Kerjasama	<i>Masuaka</i> - Mesra
<i>Marunus</i> - Lurus	<i>Mapuang</i> - Bersih	<i>Makarati</i> – Mengerti

Jadual 1 : Istilah dalam *E-Gayad Mabalut Glosari*

Sumber : Kajian Lapangan, (2025)

Selain sumbangan istilah, komuniti juga terlibat dalam proses pengesahan kandungan, iaitu semakan ketepatan makna istilah dari sudut bahasa dan budaya sebelum istilah dimasukkan secara rasmi ke dalam glosari digital. Proses verifikasi ini melibatkan perbincangan berfokus bersama individu berautoriti seperti guru bahasa tempatan dan pemimpin adat yang memahami konteks penggunaan serta nuansa makna istilah dalam pelbagai situasi sosial. Pengesahan ini amat penting untuk memastikan glosari yang dihasilkan bukan sahaja tepat dari segi semantik, malah sejajar dengan nilai dan norma masyarakat Bisaya. Hinton (2011) menyatakan bahawa pengesahan oleh komuniti adalah elemen penting dalam dokumentasi bahasa kerana ia mengelakkan kesilapan tafsiran dan memberi legitimasi terhadap hasil dokumentasi.

Selain itu, komuniti juga memegang peranan penting dalam penyebaran *E-Gayad Mabalut Glosari* dengan mempromosikan penggunaannya dalam kalangan masyarakat setempat dan lebih luas. Penyebaran ini berlaku melalui pelbagai saluran seperti program komuniti, institusi

pendidikan, media sosial, serta acara kebudayaan tempatan. Contohnya, guru-guru mengintegrasikan glosari ini dalam aktiviti kokurikulum di sekolah, manakala golongan belia menggunakan platform seperti TikTok dan Facebook untuk menghasilkan kandungan video pendek berunsur pendidikan bahasa. Penglibatan aktif sebegini mencerminkan rasa tanggungjawab dan kepemilikan terhadap glosari digital tersebut. Austin & Sallabank (2011) menegaskan bahawa penglibatan komuniti dalam penyebaran bahan dokumentasi bahasa merupakan elemen kritikal untuk memastikan kelangsungan dan impak jangka panjang penggunaannya.

Cabaran Penglibatan Komuniti Bisaya

Walaupun pendekatan partisipatif yang digunakan dalam *pembangunan E-Gayad Mabalut Glosari* telah membuka ruang kepada penglibatan aktif komuniti Bisaya, projek ini tetap menghadapi beberapa cabaran utama. Cabaran-cabaran tersebut secara langsung mempengaruhi tahap penyertaan serta keberkesanan proses dokumentasi dan pembangunan glosari secara menyeluruh.

Salah satu cabaran paling ketara ialah kekangan masa dalam kalangan ahli komuniti, terutamanya mereka yang mempunyai rutin harian sibuk seperti pekerjaan, pertanian, dan tanggungjawab keluarga. Ramai informan menghadapi kesukaran untuk memberikan komitmen berterusan dalam bengkel dan sesi temu bual, yang secara tidak langsung menjejaskan kelancaran pengumpulan data dan kesinambungan aktiviti pembangunan glosari digital. Penemuan ini selaras dengan kajian Somnuk et al. (2023) yang menegaskan kekangan masa dan beban kerja sebagai halangan utama dalam penglibatan komuniti bagi projek berasaskan kerjasama. Di samping itu, kajian Couillou et al. (2022) menunjukkan bahawa kurangnya insentif seperti pengiktirafan formal dan beban kerja tambahan turut menghalang penyertaan staf profesional dalam projek komuniti. Ini membuktikan bahawa isu kekangan masa bukan sahaja dialami oleh masyarakat umum tetapi juga golongan profesional, dan oleh itu memerlukan pendekatan yang lebih fleksibel dan menyokong.

Selain itu, cabaran literasi digital juga memberi impak signifikan dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*, terutamanya dalam kalangan warga emas. Tahap celik digital yang tidak seimbang menyebabkan sebahagian besar informan kurang mahir menggunakan peranti seperti telefon pintar dan komputer, serta menghadapi kesukaran memahami fungsi asas platform digital yang digunakan. Situasi ini menjejaskan penyertaan mereka selepas sesi bengkel. Seperti yang dinyatakan oleh Warschauer (2003), jurang digital bukan sahaja berkaitan akses teknologi, tetapi juga melibatkan literasi, keyakinan, dan kemahiran penggunaan teknologi. Kekurangan kemampuan ini berisiko menyebabkan golongan berpengetahuan luas dalam aspek linguistik dan budaya terpinggir daripada proses dokumentasi. Oleh itu, projek ini perlu menerapkan pendekatan sokongan yang inklusif, termasuk latihan asas teknologi, bimbingan berterusan, dan penggunaan kaedah mesra pengguna untuk memastikan penyertaan semua lapisan komuniti dapat diperkasa secara seimbang dan berkesan.

Tambahan pula, keperluan untuk latihan dan fasilitasi berterusan menjadi cabaran yang tidak kurang penting dalam konteks pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*. Ramai informan memerlukan bimbingan praktikal serta tunjuk ajar secara berperingkat dalam aspek dokumentasi istilah, penyuntingan makna, dan penggunaan platform digital. Fasilitasi yang konsisten amat penting untuk mengekalkan penglibatan komuniti, khususnya bagi mereka yang

kurang berpengalaman dalam kaedah dokumentasi bahasa yang sistematik. Minkler dan Wallerstein (2011) menegaskan bahawa kejayaan pendekatan partisipatif dalam komuniti sangat bergantung pada peranan fasilitator dalam membina kapasiti, memperjelas matlamat bersama, serta menguruskan kepercayaan dan komunikasi dalam kumpulan – aspek teras bagi kelestarian projek berasaskan komuniti (CBPR). Dalam usaha memperkukuh kapasiti komuniti, Persatuan Bisaya Bersatu Sabah (PBBS) secara aktif menganjurkan program latihan pembuatan kamus Bisaya setiap hari Sabtu di bangunan PBBS Beaufort, yang berfungsi sebagai platform latihan tidak formal bagi meningkatkan kemahiran pendokumentasian bahasa dalam kalangan ahli komuniti.

Implikasi Penglibatan Komuniti Bisaya

Penglibatan komuniti dalam penghasilan *E-Gayad Mabalut Glosari* memberikan sumbangan langsung kepada usaha pemuliharaan bahasa serta pengukuhan identiti budaya, selain membina rasa tanggungjawab bersama dalam mendokumentasikan warisan bahasa Bisaya. Melalui penglibatan aktif komuniti Bisaya dalam pembangunan glosari digital ini, kesedaran terhadap kepentingan bahasa dan budaya, terutama dalam kalangan generasi muda, semakin meningkat. Aktiviti seperti bengkel istilah, sesi perkongsian, dan interaksi secara digital membantu komuniti memahami bahawa bahasa bukan sahaja alat komunikasi, tetapi juga lambang identiti dan perpaduan sosial. Proses ini turut membangkitkan kesedaran mengenai ancaman kepupusan bahasa serta menghidupkan kembali minat terhadap bahasa Bisaya. Seiring dengan pandangan Grenoble dan Whaley (2006), penglibatan komuniti dalam dokumentasi bahasa dapat meningkatkan kesedaran linguistik dan identiti etnik. Malah, kajian di Malaysia oleh Renganathan & Kral (2018) menunjukkan bahawa dokumentasi digital dalam kalangan komuniti Orang Asli bukan sahaja membantu mengekalkan warisan bahasa, tetapi juga memperkukuh rasa kepemilikan budaya melalui kerjasama antara generasi.

Selain itu, pendekatan partisipatif yang diamalkan dalam pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* memberikan komuniti Bisaya peranan penting sebagai penyumbang aktif, bukan sekadar objek kajian. Proses menyumbang istilah, menyemak makna, dan membantu penyebaran glosari digital membolehkan mereka merasakan penghargaan terhadap pengetahuan tempatan, sekaligus memperkukuh rasa kepemilikan dan harga diri. Dapatan ini selaras dengan pendapat Smith (2012) yang menyatakan bahawa komuniti yang aktif memberikan input berterusan lebih berdaya dalam memelihara warisan budaya mereka. Sokongan ini turut diperkuatkan oleh kajian Dilah & Chong (2021) di Kampung Telok Melano, Sarawak, yang mendapati penglibatan komuniti bukan sahaja membangkitkan rasa bangga terhadap bahasa dan identiti etnik, malah menggalakkan solidariti antara generasi. Oleh itu, dokumentasi bahasa yang berasaskan komuniti mampu menjadi medium pemerikasaan sosial yang sangat berkesan.

Tambahan pula, pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari* juga menunjukkan potensi sebagai model amalan terbaik yang boleh dijadikan contoh oleh komuniti etnik lain di Malaysia dalam usaha memelihara bahasa minoriti. Pendekatan partisipatif yang menggabungkan penglibatan aktif komuniti dengan penggunaan teknologi digital seperti bengkel istilah, temu bual separa berstruktur, dan semakan bersama komuniti boleh disesuaikan mengikut konteks linguistik dan budaya setempat. Model ini selaras dengan dapatan kajian Norazuna (2021) yang menekankan kepentingan penyertaan komuniti dalam dokumentasi bahasa terancam di Sarawak, serta kajian Renganathan & Kral (2018) yang menonjolkan kejayaan kerjasama antara generasi dalam projek dokumentasi bahasa Orang Asli. Seperti yang ditegaskan oleh Hornberger (2008),

penggabungan teknologi, kolaborasi komuniti, dan pendekatan linguistik kontekstual mampu menyumbang secara berkesan kepada agenda pemuliharaan bahasa di peringkat nasional dan global.

Kesimpulan

Kajian ini membuktikan bahawa penglibatan komuniti merupakan tunjang utama dalam kejayaan inisiatif pendokumentasian dan pemuliharaan bahasa minoriti. Melalui pembangunan *E-Gayad Mabalut Glosari*, komuniti Bisaya di Beaufort telah menunjukkan bahawa pendekatan partisipatif bukan sekadar meningkatkan ketepatan dan keaslian kandungan, tetapi turut membina semula hubungan emosi dan identiti kolektif terhadap bahasa warisan. Penyertaan komuniti dalam proses mengenal pasti istilah, mengesahkan makna, dan menyebarkan glosari telah memperkaya dokumentasi yang dihasilkan dengan nilai konteks yang mendalam serta relevan dengan realiti semasa masyarakat penutur. Implikasinya, komuniti bukan lagi dilihat sebagai kelompok marginal, tetapi diiktiraf sebagai pemegang autoriti budaya yang aktif dan berperanan langsung dalam menentukan arah pemuliharaan bahasa mereka sendiri.

Namun begitu, untuk memastikan kesinambungan dan keberkesanan jangka panjang, sokongan sistemik amat diperlukan. Cabaran seperti celik digital yang rendah, keterbatasan masa dan keperluan fasilitasi berterusan menuntut pendekatan strategik yang lebih inklusif dan berstruktur. Kerjasama bersepadu antara institusi pendidikan, NGO, agensi kerajaan, serta inisiatif komuniti seperti program penyediaan kamus oleh PBBBS perlu diperluas dan diperkukuh. Malah, integrasi glosari ini dalam kurikulum sekolah mampu menjadi pemangkin kepada pembudayaan semula bahasa etnik dalam sistem pendidikan arus perdana. Justeru, *E-Gayad Mabalut Glosari* bukan hanya satu platform digital, tetapi lambang pemerkasaan komuniti dalam memastikan bahasa dan identiti Bisaya terus lestari, berkembang, dan diwariskan secara bermaruah kepada generasi akan datang.

Penghargaan

Penghargaan setinggi-tingginya kepada Universiti Malaysia Sabah atas pembiayaan melalui geran Skim Dana Kluster (DK0141) bagi projek "Keterlibatan Komuniti dalam Menghasilkan *E-Gayad Mabalut Glosari*". Terima kasih juga kepada komuniti Bisaya yang telah memberi komitmen dan sumbangan aktif dalam penghasilan glosari digital yang sangat penting bagi pemeliharaan bahasa dan budaya tempatan.

Rujukan

- Austin, P. K., & Sallabank, J. (2011). *The Cambridge Handbook Of Endangered Languages*. Cambridge University Press.
- Berawati, R., Adi Yasran, A. A., Hasnah, M., & Sharil Nizam, S. (2020). Domain dan Bahasa Pilihan Tiga Generasi Etnik Bajau Sama Kota Belud. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 96 – 107.
- Bird, S. (2020). Decolonising Speech And Language Technology. *Proceedings of the 28th International Conference on Computational Linguistics*, 3504–3519.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101.
- Couillou, R. J., McGee, B. L., Carr, A. S., & Lamberth, T. (2022). Pandemic Partnerships: Community/University Experiences with Community-Based Learning in the COVID-

- 19 Era. *Journal of Experiential Education*, 46(3), 319-341. <https://doi.org/10.1177/10538259221145935>
- Czaykowska-Higgins, E. (2009). Research Models, Community Engagement, And Linguistic Fieldwork: Reflections On Working Within Canadian Indigenous Communities. *Language Documentation & Conservation*, 3(1), 15–50.
- Dani, N.A., & Seruji, Z. (2024). Language Vitality among the Young Generation of a Minority Ethnic Group in Sabah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 7(28), 01-18.
- Dilah, T., & Chong, S. (2021) *Sikap Bahasa dan Pemertahanan Identiti Komuniti Sempadan di Kampung Telok Melano, Malaysia dan Desa Temajuk, Indonesia: Satu Tinjauan Awal*. Proceedings of the 3rd International Conference on Language Studies 2021, 8 - 9 September 2021, Online.
- Eisenlohr, P. (2004). *Language Revitalization and New Technologies: Cultures of Electronic Mediation and the Refiguring of Communities*. *Annual Review of Anthropology*, 33, 21–45.
- Fishman, J. A. (1991). *Reversing Language Shift: Theoretical and Empirical Foundations of Assistance to Threatened Languages*. Multilingual Matters Ltd.
- Gill, S.K. (2005). Language Policy in Malaysia: Reversing Direction. *Lang Policy* 4, 241–260. <https://doi.org/10.1007/s10993-005-7859-9>
- Grenoble, L. A., & Whaley, L. J. (2006). *Saving Languages: An Introduction to Language Revitalization*. New York: Cambridge University Press.
- Haji Othman, N.A., & McLellan, J. (2021). *Researching Borneo Language Description, Language Maintenance and Language Shift*. In: Jammes, J., King, V.T. (eds) *Fieldwork and the Self*. Asia in Transition, vol 12. Springer, Singapore. https://doi.org/10.1007/978-981-16-2438-4_15
- Hinton, L. (2011). Language Revitalization And Language Pedagogy: New Teaching And Learning Strategies. *Language and Education*, 25(4), 307–318.
- Hornberger, N. H. (2008). *Can Schools Save Indigenous Languages? Policy and Practice on Four Continents*. Palgrave Studies In Minority Languages and Communities. Palgrave Macmillan.
- Israel, B. A., Eng, E., Schulz, A. J., & Parker, E. A. (2012). *Methods For Community-Based Participatory Research For Health*. (2nd Eds). Jossey-Bass.
- Jacob, W. J., Cheng, S. Y., & Porter, M. K. (2015). *Indigenous Education: Language, Culture and Identity*. Springer.
- Kvale, S., & Brinkmann, S. (2014). *InterViews: Learning The Craft Of Qualitative Research Interviewing* (3rd ed.). SAGE Publications.
- Merriam, S. B. (2009). *Qualitative Research: A Guide to Design and Implementation*. John Wiley & Sons
- Minkler, M., & Wallerstein, N. (2011). *Community-Based Participatory Research for Health: From Process to Outcomes*. John Wiley & Sons
- Moseley, C., & Nicolas, A. (Ed.). (2010). *Atlas of the World's Languages in Danger*. (3rd ed.). UNESCO Publishing.
- Noor Aina, D., & Syeril, P. K. (2016). Impak Dialek Melayu Sabah ke atas Bahasa Ibunda Generasi Muda Etnik Kadazandusun. *International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)*. 4(2), 45-55
- Noraisikin, G., Mohammad Fadzeli, J., & Harishon, R. (2020). Peralihan Bahasa Dalam Kalangan Dua Generasi Cham Malaysia. *Akademika*, 90(2), 75-89.

- Norazuna, N. (2021). *Pendokumentasian Bahasa Terancam Di Sarawak: Pengalaman Dari Komuniti Miriek*. 2nd International k@Borneo Conference 2021. 14 - 15 September 2021, Pustaka Negeri Sarawak.
- Nowell, L. S., Norris, J. M., White, D. E., & Moules, N. J. (2017). Thematic Analysis: Striving to Meet the Trustworthiness Criteria. *International Journal of Qualitative Methods*, 16(1). <https://doi.org/10.1177/1609406917733847>
- Patton, M. Q. (2014). *Qualitative Research and Evaluation Methods* (4th ed.). Sage Publications.
- Alagappar, P. N., Dealwis, C., & David, M. K. (2018). The Influence of Age Cohorts and Social Networks on the Language Choices of the Non-Indigenous Tamil Minority in Kuching, Sarawak, Malaysia. (2018). *KEMANUSIAAN The Asian Journal of Humanities*, 25(1), 69–93.
- Renganathan, S., & Kral, I. (2018). *Digital Preservation Of Language, Cultural Knowledge And Traditions Of The Indigenous Semai*. SHS Web of Conferences 53, 02001. International Conference on Humanities and Social Sciences (ICHSS 2018).
- Smith, L. (2006). *Uses of Heritage*. (1st ed). London: Routledge.
- Somnuek P, Punpocha P, Punikhom P, Panitrat R, Nivatpumin P, Thanakiattiwibun C, Ramlee R, Thongkaew N, & Siriussawakul A. (2023). Model For Enhancing The Research Conducted By The University Medical Staff: Participatory Action Research. *Heliyon*. 9 (2):e13208. doi: 10.1016/j.heliyon.2023.e13208.
- Suhailin, M. R., Sujud, A., Che Rodi, R., & Sha'ri, S. N. (2020). Realiti Daya Hidup Bahasa Bisaya Muslim Sebagai Etnik Minoriti Di Sabah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 5(7), 82 - 95. Doi: 10.47405/Mjssh.V5i7.447.
- Warschauer, M. (2003). *Technology and Social Inclusion: Rethinking the Digital Divide*. MIT Press